

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION

The Star M/s 12 Nasion 31/5/2025 (Sabtu)

An unhealthy trend in Kelantan

State records increase in diabetes, high cholesterol cases

KOTA BARU: Cases of diabetes and high cholesterol levels among the people in Kelantan saw an increase and exceeded the national average indicator, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The Health Minister said that based on the National Health and Morbidity Survey 2023, 16.3% of the people in Kelantan suffered from diabetes, an increase of 0.7% compared to the national average indicator of 15.6%.

"High cholesterol levels also showed an increase among the people in Kelantan, recording 34.9%.

"The national average indicator is 33.3%," he said when opening the Kelantan Wellness Hub open day in Pengkalan Chepa, Bernama reported.

Dzulkefly said 51.6% of the people in Kelantan are categorised as overweight or obese while for high blood pressure, it was 27.9%.

The national average for both are 54.4% and 9.2%, respectively.

He described the findings on Kelantan as "worrying" although

"The ministry has introduced and implemented the 'Agenda Nasional Malaysia Sihat' as a platform to mobilise the culture of a healthy lifestyle."

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

the state recorded better performance in several indicators compared to the national level.

"To address this, the ministry has introduced and implemented the 'Agenda Nasional Malaysia Sihat' as a platform to mobilise the culture of a healthy lifestyle," he said.



Leading by example: Dzulkefly participating in an aerobic session before opening the Kelantan Wellness Hub open day in Pengkalan Chepa. — Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Utusan Malaysia m/s 3 D/Negeri 31/5/2025 (Sabtu)

e-penempatan: Hartal Doktor dakwa KKM gagal

Oleh NURUL IRDINA SUMALI
irdina.sumali@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Hartal Doktor Kontrak mendakwa Kementerian Kesihatan (KKM) gagal menunaikan janji untuk mengadakan sesi *townhall* bagi menjelaskan isu berkaitan sistem e-penempatan, meskipun sebelum ini dimaklumkan sesi libat urus itu akan dilaksanakan.

Menurut jurucakap kumpulan itu, tiada sebarang maklumat terkini diterima setakat ini, sekali gus menimbulkan rasa kecewa dan hilang kepercayaan dalam kalangan petugas kesihatan.

"Tiada. Walaupun diberitahu akan ada sesi *townhall*, tapi sehingga kini masih tiada

apa-apa info," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan sistem e-penempatan bagi 2,245 pegawai masih lagi belum dibuka hingga kini.

Jurucakapnya berkata, keadaan itu amat membimbangkan kerana tarikh akhir yang dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) sudah semakin hampir.

Katanya, kelewatan dalam pembukaan sistem e-penempatan bukan sahaja memberi tekanan kepada pegawai perubatan terbabit, malah turut menjejaskan perancangan kerajaan dan kehidupan mereka.

Mengulas lanjut, Hartal berkata, kelewatan tersebut

memberi isyarat seolah-olah kementerian tidak bersungguh-sungguh menyelesaikan isu membabitkan kebajikan dan masa depan doktor kontrak.

"Pihak KKM harus serius dalam menunaikan janji supaya rakyat dan para pekerja kesihatan tidak rasa tertipu dan hilang keyakinan dengan kementerian.

"Mungkin kelewatan ini berlaku susulan pelantikan Ketua Pengarah Kesihatan yang baharu, namun kami berharap akan ada perubahan positif selepas ini," katanya.

Menurutnya, sesi yang dijanjikan itu sepatutnya menjadi platform untuk menjelaskan pelaksanaan sistem e-penempatan yang menerima pelbagai

rungutan, termasuk masalah teknikal, kekeliruan semasa permohonan dan penempatan tidak menepati keperluan fasiliti serta faktor peribadi pegawai.

Sistem e-penempatan diperkenalkan bagi menempatkan pegawai perubatan, pergigian dan farmasi secara automatik selepas tamat latihan siswazah, namun didakwa tidak bersifat responsif terhadap beban kerja dan nisbah doktor pesakit yang kritikal di kawasan luar bandar.

Malah, fasa pertama pelaksanaannya sebelum ini menyeksikan ramai pegawai gagal mengakses sistem akibat masalah pelayan, menyebabkan tekanan dan kekeliruan dalam kalangan pengguna.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian m/s 9 Nasional 31/5/2025 (Sabtu)

Kelantan tertinggi kencing manis, kolesterol

KKM perkenal ANMS dan Wellness Hub bantu rakyat ubah gaya hidup

Oleh ASWANY OMAR
KOTA BHARU

Penyakit kencing manis dan kadar kolesterol dalam kalangan rakyat Kelantan membimbangkan apabila Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS 2023) mendapati kedua-dua masalah tersebut mencatatkan peningkatan melebihi purata nasional.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, sebanyak 16.3 peratus penduduk Kelantan menghidap penyakit kencing manis, iaitu peningkatan 0.7 peratus berbanding indikator purata nasional sebanyak 15.6 peratus.

Menurutnya, kadar kolesterol tinggi juga meningkat dengan mencatatkan 34.9 peratus, manakala indikator purata nasional ialah 33.3 peratus.

"Dapatan ini amat membimbangkan walaupun Kelantan mencatatkan prestasi lebih baik dalam beberapa indikator berbanding paras nasional," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Hari Terbuka



Dr Dzulkefly (depan, kiri) menyertai acara senamrobik sebelum Majlis Perasmian Hari Terbuka Wellness Hub Kelantan di Pengkalan Chepa, Kota Bharu pada Jumaat.

Wellness Hub Kelantan di Pengkalan Chepa, di sini pada Jumaat.

Dr Dzulkefly turut memaklumkan bahawa rakyat Kelantan menunjukkan prestasi lebih baik dalam menangani obesiti dan tekanan darah tinggi.

Jelasnya, purata obesiti di peringkat nasional ialah 54.4 peratus, manakala di Kelantan mencatatkan 51.6 peratus.

"Penyakit tekanan darah tinggi yang dicatatkan NHMS di peringkat nasional ialah sebanyak 29.2 peratus, namun di Kelantan ialah 27.9 peratus," katanya.

"Mendepani cabaran ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memperkenalkan dan melaksanakan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) sebagai platform untuk menggerakkan pembudayaan gaya hidup sihat secara menyeluruh," ujarnya.

Katanya, Wellness Hub diwujudkan sebagai hab komuniti untuk promosi kesihatan, iaitu lokasi masyarakat mendapatkan bimbingan, sokongan dan intervensi bagi membina gaya hidup lebih sihat.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Ramai pesakit bersikap acuh tak acuh



ROZAIDA

KOTA BHARU - Bersikap acuh tak acuh terhadap penyakit yang dihadapi selepas didiagnosis antara faktor masyarakat Kelantan menghidap kencing manis dan kolesterol tinggi.

Setiausaha Persatuan Farmasi Komuniti Malaysia (MCPG) Negeri Kelantan, Rozaida Mohd Yunus berkata, ramai dalam kalangan pesakit kencing manis tidak mengambil serius penyakit mereka dan enggan mengambil ubat-ubatan yang dibekalkan oleh pakar perubatan.

Beliau mengakui terdapat peningkatan dalam pembelian ubat kencing manis di farmasi, namun ramai dalam kalangan pesakit tidak mengambilnya kerana dimomokkan kononnya ubat tersebut memberi kesan kepada kerosakan buah pinggang.

"Mereka sepatutnya menjaga kesihatan, malam pun makan nasi berlauk tetapi tidak bersenam," katanya.

Rozaida turut menasihatkan orang ramai supaya menjaga pemakanan, terutama mereka yang mempunyai sejarah genetik penyakit tersebut.

Beliau turut kesal kerana terdapat pesakit yang memilih rawatan tradisional sebagai alternatif dan pada masa yang sama menolak pengambilan ubat daripada pakar.

"Keadaan ini mengakibatkan paras gula meningkat sehingga boleh menyerang saraf mata dan buah pinggang," katanya.

REAKSI

“ Pada pandangan saya, ada dalam kalangan pengguna pusat senaman yang diserang kencing manis kerana mengambil suplemen makanan untuk tujuan mencantikkan badan. Ramai yang menolak nasi kerana dikatakan mengandungi karbohidrat tinggi namun pada masa sama mengambil protein (suplemen) untuk menahan lapar. Ada suplemen yang kandungan gulanya lebih tinggi mengakibatkan kencing manis serta kolesterol.”

- Bekas pengurus operasi gimnasium, Mohd Nor Izwan Tarmizi, 38



“ Faktor pemakanan antara penyebab kencing manis. Golongan muda pula suka mencuba pelbagai jenis pencuci mulut moden di kafe yang banyak di Kelantan. Selain itu fenomena makanan tular menjadi tarikan untuk mencubanya.”

- Pelajar, Norfasihah Wahidah Khairul Afdzillah, 24



“ Kencing manis dan kolesterol tinggi bukan sahaja membabitkan keturunan namun gaya hidup juga boleh menjadi penyebab. Sikap pesakit yang tidak mahu berjumpa doktor dan mencari alternatif boleh mengakibatkan penyakit berkenaan membahayakan mereka.”

- Pesara tentera, Che Abdullah Che Ahmad, 45



INFO

PENYAKIT KENCING MANIS (DIABETES)

Definisi:

Kencing manis ialah keadaan apabila paras gula (glukosa) dalam darah terlalu tinggi kerana tubuh tidak menghasilkan insulin yang mencukupi atau tidak menggunakannya secara berkesan.

Jenis-jenis:

- **Diabetes Jenis 1** - Badan tidak menghasilkan insulin (biasanya sejak kanak-kanak).
- **Diabetes Jenis 2** - Badan tidak menggunakan insulin dengan betul (lebih biasa dalam kalangan dewasa).
- **Diabetes Gestasi** - Berlaku semasa kehamilan dan biasanya sementara.

Tanda-tanda awal:

- Kerap kencing
- Dahaga berlebihan
- Penurunan berat badan tanpa sebab
- Luka lambat sembuh
- Kelelahan
- Penglihatan kabur

Komplikasi jika tidak dirawat:

- Kerosakan buah pinggang
- Kebutaan
- Serangan jantung dan strok
- Kerosakan saraf (terutama di kaki)

Rawatan:

- Kawalan pemakanan (rendah gula dan karbohidrat ringkas)
- Senaman berkala
- Ubat seperti metformin atau insulin
- Pemantauan paras gula darah secara konsisten

KOLESTEROL TINGGI

Definisi:

Kolesterol tinggi ialah keadaan di mana terdapat lebih kolesterol dalam darah, yang boleh menyumbat salur darah dan meningkatkan risiko penyakit jantung.

Jenis Kolesterol:

- **LDL (Lipoprotein ketumpatan rendah)** - "Kolesterol jahat", boleh menyebabkan plak dalam arteri.
- **HDL (Lipoprotein ketumpatan tinggi)** - "Kolesterol baik", membantu menyingkirkan kolesterol jahat dari salur darah.
- **Trigliserida** - Lemak dalam darah yang tinggi boleh menambah risiko penyakit jantung.

Punca utama:

- Diet tinggi lemak tepu dan trans
- Kurang aktiviti fizikal
- Merokok
- Faktor genetik
- Berat badan berlebihan

Tanda-tanda:

- Biasanya tiada simptom awal. Dikesan melalui ujian darah.

Komplikasi:

- Serangan jantung
- Strok
- Penyakit arteri koronari

Rawatan:

- Diet sihat (kurangkan makanan berlemak, organ dalaman, makanan segera)
- Senaman
- Ubat seperti statin (jika perlu)
- Berhenti merokok

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA

Kosmo mis 15 Negara 31/5/2025 (Sabtu)

Ramai hidap diabetes di Kelantan

- Peratusan jumlah penyakit lepati kadar nasional
- KKM laksanakan Agenda Nasional Malaysia Sihat

Oleh MUSTAQIM MOHAMED

KOTA BHARU – Kelantan merekodkan jumlah penyakit diabetes dan kolesterol yang tinggi, sekali gus melepasi kadar di peringkat nasional.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, dapatan kajian itu diperoleh hasil Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 yang menunjukkan sebanyak 16.3 peratus penyakit kencing manis telah direkodkan berbanding paras nasional 15.6 peratus.

Menurutnya, kes melibatkan kolesterol tinggi pula berada pada paras 34.9 peratus iaitu 1.6 peratus melepasi paras nasional iaitu 33.3 peratus.

"NHMS 2023 menunjukkan dapatan yang saya kira amat



DZULKEFLY (dua dari kiri) menyampaikan plak penghargaan kepada rakan strategik Wellness Hub Kelantan pada Majlis Perasmian Hari Terbuka Wellness Hub Kelantan di Pengkalan Chepa, Kota Bharu semalam.

membimbangkan walaupun Kelantan mencatat prestasi lebih baik dalam beberapa indikator berbanding paras nasional.

"Masalah berat badan ber-

lebih atau obes di negeri ini berada dalam keadaan baik apabila ia mencatat 51.6 peratus berbanding paras nasional, 54.4 peratus," katanya semasa beru-

cap pada Majlis Perasmian Hari Terbuka Wellness Hub Kelantan di Pengkalan Chepa di sini semalam.

Dzulkefly memberitahu, Ke-

lantan turut menunjukkan prestasi lebih baik dalam kadar penyakit darah tinggi apabila ia mencatatkan kira-kira 27.9 peratus iaitu 1.3 peratus lebih rendah berbanding paras nasional pada paras 29.2 peratus.

Menurutnya, kesihatan merupakan amanah yang wajib dijaga dan dalam kerangka Maqasid Syariah dengan menjaga nyawa dan kesihatan yang menjadi objektif tertinggi dalam Islam.

"Maka amat penting untuk kita meletakkan pencegahan dan kesejahteraan sebagai teras perkhidmatan kesihatan," ujarnya.

Dzulkefly berkata, bagi mendepani cabaran kesihatan masa kini, Kementerian memperkenalkan dan melaksana Agenda Nasional Malaysia Sihat sebagai platform untuk menggerakkan pembudayaan gaya hidup sihat.

Menurutnya, inisiatif mewujudkan hab komuniti untuk promosi kesihatan seperti Wellness Hub selari dengan agenda reformasi sistem kesihatan negara iaitu peralihan daripada perkhidmatan berfokuskan rawatan kepada sistem yang menumpukan pencegahan dan kesejahteraan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro m/s 12 Lokal 31/5/2025 (Sabtu)



DR. Dzulkefly (tengah) menyertai acara senamrobik sebelum Majlis Perasmian Hari Terbuka Wellness Hub Kelantan di Pengkalan Chepa, semalam.

KENCING MANIS DI KELANTAN MENINGKAT

Kadar kolesterol dalam kalangan rakyat Kelantan turut catat peningkatan melebihi indikator purata nasional

Kota Bharu

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 mendapati penyakit kencing manis dan kadar kolesterol dalam kalangan rakyat di Kelantan telah mencatatkan peningkatan melebihi indikator purata nasional.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, sebanyak 16.3 peratus rakyat di Kelantan menghidap penyakit kencing manis, iaitu peningkatan sebanyak 0.7 peratus berbanding indi-

kator purata nasional 15.6 peratus.

"Kadar kolesterol tinggi juga turut menunjukkan peningkatan dalam kalangan rakyat di Kelantan dengan mencatatkan 34.9 peratus (indikator purata nasional 33.3 peratus)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Hari Terbuka Wellness Hub Kelantan di Pengkalan Chepa di sini

semalam yang turut dihadiri Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr Zaini Hussin.

"NHMS 2023 menunjukkan dapatan yang membimbangkan Dzulkefly"

Mengulas lanjut Dzulkefly berkata, bagi kategori berat badan berlebihan (obes) di negeri ini pula, sebanyak 51.6 peratus direkodkan (indikator purata nasional 54.4 peratus) manakala penyakit darah tinggi mencatatkan 27.9 peratus

(indikator purata nasional 29.2 peratus).

"NHMS 2023 menunjukkan dapatan yang saya kira amat membimbangkan, walaupun Kelantan mencatatkan prestasi yang lebih baik dalam beberapa indikator berbanding paras nasional.

"Bagi mendepani cabaran ini, KKM telah memperkenalkan dan melaksanakan Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) sebagai platform untuk menggerakkan pembudayaan gaya hidup sihat secara menyeluruh," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian m/s 13 Nasional 31/5/2025 (Sabtu)

Sindiket proses vape dadah di kondo

KUALA LUMPUR - Taktik licik sindiket didalangi warga Taiwan menjadikan kondominium mewah sebagai makmal memproses dadah jenis amphetamine dalam bentuk cecair rokok elektronik terbongkar dalam serbuan di Brickfields pada Rabu.

Sindiket yang dipercayai aktif sejak April 2024 itu dipercayai menukar lokasi memproses serta individu terlibat setiap tiga bulan bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Serbuan dijalankan kira-kira jam 10.30 malam oleh sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dijalankan berdasarkan risikan sejak tiga bulan lalu.

Pengarah JSJN Bukit Aman, Deputy Komisioner Mat Zani @ Mohd Salahuddin Che Ali berkata, serbuan memberkas dua lelaki warga Taiwan berumur 30

dan 35 tahun dipercayai berperanan sebagai ahli kimia dan penjaga stor.

Beliau berkata, kondominium disewa RM4,100 sebulan berkenaan dijadikan makmal memproses cecair dadah vape berkenaan sebelum diedarkan ke pasaran tempatan dan luar negara.

"Serbuan menemukan sebanyak 20 bekas plastik dan enam botol cecair vape mengandungi dadah amphetamine, 95 kartrij serta pelbagai peralatan pemprosesan seperti mesin pemanas, mesin pengadun, alat penimbang, tiga bikar kaca dan satu corong plastik.

"Jumlah cecair vape dirampas seberat 88.2 liter bersamaan 104 kilogram dengan nilai anggaran pasaran RM3.29 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ke-

tika sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman di sini pada Jumaat.

Katanya, kedua-dua suspek terbabit dipercayai memasuki negara ini sebanyak dua kali pada tahun ini dan kali terakhir beberapa minggu lalu.

Menurutnya, siasatan mendapati sindiket tersebut tidak mempromosi cecair vape menggunakan media sosial sebaliknya menjual kepada pelanggan tetap melalui perkhidmatan kurier.

"Dadah ini dipercayai diedarkan 50 peratus untuk pasaran tempatan dan selebihnya ke luar negara termasuk Taiwan.

"Setiap kartrij dijual sekitar RM180 di pasaran tempatan dan sehingga RM400 bagi pasaran luar negara, sindiket ini dianggarkan memperoleh keuntungan sekitar RM10,000 sebulan," katanya.